




## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO		
TARIKH	:	29/9/2019	MUKA SURAT	: 6
JABATAN	:	SPAN / AIR SELANGOR		
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>		

# Gangguan air di Selangor jejas lebih sejuta pengguna



LOJI Rawatan Air Sungai Semenyih terpaksa dihenti tugas selepas syarikat Air Selangor mengesan insiden pencemaran bau semalam.

**KUALA LUMPUR** – Loji Rawatan Air Sungai Semenyih terpaksa dihenti tugas sepenuhnya, selepas berlaku insiden pencemaran bau dengan bacaan lima ton, di sumber air mentah Sungai Semenyih.

Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) dalam satu kenyataan berkata, henti tugas loji itu akan menyebabkan sebanyak 204 kawasan melibatkan 372,031 akaun pelanggan berdaftar di Wilayah Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang akan terjejas dengan gangguan bekalan air tidak berjadual.

Dianggarkan lebih sejuta pengguna terjejas dalam gangguan bekalan air itu.

Menurut kenyataan itu, tempoh

pengoperasian semula loji dan pemuliharaan bekalan tidak dapat ditentukan buat masa ini, serta bergantung kepada tahap pencemaran.

Kenyataan itu menyebut Unit Pasukan Pemantau Sungai Air Selangor telah mengesan pencemaran yang berpunca dari Loji Rawatan Kumbahan di Bandar Mahkota dan pihak yang berkenaan telah diminta untuk mengambil tindakan segera menghentikan pencemaran tersebut.

Menurut kenyataan itu, insiden pencemaran tersebut merupakan kali keempat bagi tahun ini melibatkan loji-loji utama terpaksa dihenti tugas dan menyebabkan gangguan bekalan air tidak ber-

jadual berskala besar.

“Pihak kami telah beberapa kali membawa isu pencemaran air mentah ini untuk perhatian pihak berkuasa dan kebimbangan kami jika isu pencemaran air mentah ini tidak dibendung, akan melibat kan gangguan bekalan air kepada pengguna,” menurut kenyataan itu.

Air Selangor menyatakan pihaknya akan mengeluarkan hebahan dan makluman terkini dari semasa ke semasa dan mengambil tindakan perlu bagi mengurangkan impak gangguan kepada pengguna.

Orang ramai boleh merujuk aplikasi telefon bimbit ‘Air Selangor’ atau laman web [www.airselangor.com](http://www.airselangor.com) untuk maklumat lanjut.

– Bernama